




LEBUH raya di Batu Tiga Shah Alam adalah antara lokasi yang dinaiki air ekoran hujan lebat malam kelmarin.

Banjir kilat landa Selangor

SHAH ALAM – Beberapa kawasan di Selangor dinaiki air selepas hujan lebat lebih setengah jam malam kelmarin.

Penolong Penguat Kuasa Bomba Selangor, Mohd. Hazwan Mohd. Mansor berkata, antara kawasan yang dinaiki air termasuk Kapar, Klang, Meru, Bukit Jelutong, Batu 14 Puchong, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh, Serdang Jaya dan Taman Equine di Seri Kembangan.

Katanya, laporan mengenai banjir kilat tersebut diterima antara pukul 9

hingga 10 malam.

“Bertindak atas laporan tersebut kita telah melakukan pemantauan di lokasi kejadian namun tiada arahan pemin-dahan dikeluarkan kepada penduduk dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan,” katanya ketika dihubungi di sini se-malam.

Balai Bomba dan Penyelamat yang terlibat dalam operasi tersebut ialah Serdang, Sungai Pinang, Bukit Jelutong, Puchong dan Sungai Buloh.